



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7347 Faks: 03-8881 1008**

### **PERBADANAN PUTRAJAYA HARGAI SUMBANGAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 19 Disember 2022** – Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg Dato' TPr. Fadlun Bin Mak Ujud menyempurnakan Majlis Penghargaan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWP) dan Rakan-Rakan Strategik 2022 bertempat di Dewan Seri Melati, Perbadanan Putrajaya.

Program ini diadakan bagi menghargai komitmen dan kerjasama MPPWP Putrajaya dan juga rakan strategik utama dalam menjayakan program-program anjuran Perbadanan Putrajaya seterusnya merapatkan hubungan bersama pemegang taruh Putrajaya.


Bagi menghargai rakan strategik PPj yang telah memberi komitmen serta kerjasama dalam menjayakan program anjuran PPj, sebanyak 13 agensi telah menerima Anugerah Rakan Strategik Perbadanan Putrajaya. Agensi-agensi merupakan Bahagian Pengurusan Hartanah JPM, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, JAWI, MAIWP, Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya, Kraftangan Putrajaya, Bank Islam, TNB Putrajaya, Kelab Usahawan Putrajaya, PAWE, PERWEP, Kelab Anak Muda Putrajaya dan Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad (PUTRAKOP).

Majlis turut menyaksikan penyerahan anugerah yang telah dipertandingkan pada 13 Disember lalu dalam kalangan MPPWP Putrajaya iaitu:

1. Anugerah Keselamatan, Perpaduan & Kesejahteraan
2. Anugerah Ekonomi & Keusahawan
3. Anugerah Modal Insan, Pendidikan & Ict
4. Anugerah Sukan & Rekreasi
5. Anugerah Kesihatan, Kebersihan & Alam Sekitar
6. Anugerah Inovasi MPPWP Putrajaya
7. Anugerah MPPWP Cemerlang Putrajaya 2022

Bagi menghargai MPPWP yang bakal berakhir perkhidmatan pada 31 Disember 2022, PPj juga turut menyerahkan sijil penghargaan di atas sumbangan serta dedikasi cemerlang mereka sepanjang tahun 2022.

PPj bersama MPPWP dan rakan strategik telah melaksanakan sebanyak 230 aktiviti yang bukan sahaja memfokuskan kepada acara-acara berskala mega malah pelbagai program di peringkat komuniti meliputi ke semua golongan dan lapisan masyarakat di sepanjang tahun 2022.



**(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 19 Disember 2022

---

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Majlis Penghargaan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWP) dan Rakan-Rakan Strategik 2022, sila hubungi Pegawai Media, En. Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887 7347 atau 019-3354346.